

# Kunjungan PESEBAR ke Banda Aceh



Siaran Akhbar dan Foto :  
Persatuan Sejarah Brunei

SEBAHAGIAN daripada Ahli Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) yang menyertai rombongan muhibah ke Banda Aceh menadah tangan ketika doa dibacakan. Rombongan diketuai oleh Setiausaha Kehormat PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail (dua, kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. – Seramai 15 ahli dan para ibu dari Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) bertolak ke

Banda Aceh yang terkenal dengan nama 'Serambi Mekah'. Lawatan selama lima hari bermula 16 hingga 20 Januari itu

diketuai oleh Setiausaha Kehormat PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail. Rombongan akan menjadi

tetamu kepada Ketua Balai Palesterian Nilai Budaya (BPNB), Aceh, yang mana akan membincangkan dan bertukar-

tukar pendapat dalam bidang sejarah, budaya, bahasa, agama serta sistem kesultanan yang diamalkan kedua-dua negara.

Menerusi lawatan tersebut akan dapat meningkatkan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam usaha untuk merapatkan lagi kerjasama dalam bidang akademik, ekonomi seperti pelancongan, selain meningkatkan keimanan dan ketakwaan melalui kunjungan ke tempat-tempat yang dilanda Tsunami pada bulan Disember 2004 yang lalu.

Pada lawatan itu, para rombongan juga akan melawat ke tempat-tempat menarik, iaitu Pulau Sabang, Muzium Negara, Rumah Aceh, Makam Sultan Iskandar Muda, Taman Puro Phang / Gunung, Masjid Raya Baiturrahman, PLTD Apung, Muzium Tsunami, Kapal Di Atas Bumbung Rumah, Syekh Kuala dan lain-lain.

## UNISSA tumpuan masyarakat antarabangsa di bidang pengajian Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa terutama dengan adanya kunjungan delegasi dari Balai Pendidikan dan Pelatihan (DIKLAT) Keagamaan Surabaya,

Kementerian Agama Republik Indonesia.

Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengetahui lebih dekat tentang perkembangan sistem pendidikan yang berhubung kait dengan pengajian Islam khususnya di UNISSA.

Kunjungan delegasi Balai DIKLAT Keagamaan Surabaya, Kementerian Agama Republik Indonesia diketuai oleh Drs. H Sholikin, M. Ed. dan diiringi oleh Ketua Seksi DIKLAT Teknis, Dr. H Machzudi serta 35 anggota DIKLAT.

Rombongan delegasi telah dialu-alukan oleh Pemangku Timbalan Pendaftar (Akademik) UNISSA, Awang Hayattuddin bin Haji Moxsin yang juga

menyampaikan taklimat tentang penubuhan UNISSA.

Pihak delegasi juga ingin membuka jaringan kerjasama dengan UNISSA melalui program-program pertukaran kepakaran dalam seminar-seminar atau bengkel-bengkel yang dianjurkan kedua-dua belah pihak.

Balai DIKLAT Keagamaan adalah sebuah unit yang menangani bidang pendidikan dan

pelatihan dalam lingkungan keagamaan di bawah Kementerian Agama Republik Indonesia.

Fungsi unit ini adalah untuk melaksanakan pendidikan dan pelatihan tenaga pentadbiran dan tenaga kerja di bawah kementerian berkenaan.

Majlis dihadiri juga oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa UNISSA, Awang Haji Sammall bin Haji Adam.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kunjungan daripada delegasi Balai DIKLAT Keagamaan Surabaya, Kementerian Agama Republik Indonesia.